



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami: JPNT.SPM.UPBM 600-4/2/11 Jld. 23 (04)
Tarikh : 8 Januari 2026

Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah Menengah dan Rendah Negeri Terengganu.

Tuan,

HEBAHAN PENYERTAAN PROGRAM TERENGGANU MARATHON 2026 (TM26)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk surat daripada Kelab Olahraga Alam Sinergi C-TRG-14845, 2025/12/trg/TM/0241 bertarikh 18 Disember 2025 berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kelab Olahraga Alam Sinergi C-TRG-14845 Terengganu akan menganjurkan program di atas berdasarkan ketetapan berikut:

Tarikh : 1 dan 2 Mei 2026
Hari : Jumaat dan Sabtu
Tempat : Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu

3. Sehubungan dengan itu, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Terengganu **TIADA HALANGAN** penglibatan murid dan guru daripada sekolah tuan. Mohon jasa baik dan kerjasama tuan untuk memberi kebenaran serta pelepasan kepada murid dan guru yang berminat untuk menyertai program ini.

4. Untuk makluman tuan, semua kos perbelanjaan penyertaan dalam program ini adalah di bawah tanggungan pasukan yang berkaitan serta tidak melibatkan implikasi kewangan jabatan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila berhubung dengan **En. Zaidi bin Mohd @ Mohd Nor**, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNT di talian **0193315644** atau **09-6203444**.

Kerjasama daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ABDUL RAZAK BIN MUDA)
Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pembangunan Murid.
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu
Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan
- Makluman

Zmn/umi

KELAB OLAHRAGA ALAM SINERGI C-TRG-14845


Rujukan : 2025/12/trg/TM/0241

Tarikh: 18/12/2025

PENGARAH

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

Jalan Bukit Kecil,
20604 Kuala Terengganu,
Terengganu



Tuan,

JEMPUTAN MENYERTAI TERENGGANU MARATHON 2026 (TM26) DAN MEMOHON HEBAHAN KEPADA SEKOLAH SELURUH DI NEGERI TERENGGANU

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Kami ingin merujuk kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dalam usaha kami untuk menganjurkan Terengganu Marathon 2026 (TM26) pada 1 & 2 May 2026 di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus. **Terengganu Marathon 2026 merupakan satu usahasama diantara Kelab Olahraga Alam Sinergi dengan Kerajaan Negeri Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Terengganu Marathon 2026 juga disokong oleh Kementerian Belia & Sukan Malaysia dan berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia.**

Selaras dengan **kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 12 Disember 2025 [KPM 600-5/6/2 Jld.30 (76)]** kami dengan ini ingin menjemput seluruh pelajar dan kakitangan sekolah di seluruh negeri Terengganu bagi menyertai Terengganu Marathon 2026 (TM26)

Berikut merupakan kategori yang dijemput bagi penyertaan para pelajar:-

- a) 5KM Lelaki & Wanita (10 tahun ke atas)

2 MAY 2026 SABTU @ Kompleks Sukan Negeri - Warming Up 8.00 AM

- **Yuran penyertaan: Percuma** (E-Sijil –pelajar layak untuk kemudahan water station yang disediakan termasuk makan dan minum)

- b) 2KM Kids Flash Lelaki & Wanita (10 tahun -13 tahun)

2 MAY 2026 SABTU @ Kompleks Sukan Negeri - Warming Up 8.00 AM

- **Yuran penyertaan: Percuma** (E-Sijil – Pelajar layak untuk kemudahan water station yang disediakan termasuk makan dan minum)

TERENGGANU MARATHON 2026
TERENGGANU MARATHON 2025 & KARNIVAL SUKAN WANITA TERENGGANU 2025
ALAM SINERGI RESOURCES
KELAB BOLA JARING ALAM SINERGI
KELAB OLAHRAGA ALAM SINERGI
Lot PT36982, HS(M) 25510 Wakaf Bharu, Mukim Kuala Nerus,
21300 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
+6016-417 9299

KELAB OLAHRAGA ALAM SINERGI C-TRG-14845

c) 1KM Kids Flash Lelaki & Wanita (6 tahun – 10 tahun)

2 MAY 2026 SABTU @ Kompleks Sukan Negeri - Warming Up 8.00 AM

- Yuran penyertaan: Percuma (E-Sijil – Pelajar layak untuk kemudahan water station yang disediakan termasuk makan dan minum)

Kami bersedia untuk memberikan sebarang maklumat tambahan atau berbincang secara terperinci mengenai perkara ini. Tarikh akhir penyertaan untuk kategori sekolah adalah pada 5 March 2026 dan borang pendaftaran bolehlah dimuat turun di website kami <https://terengganumarathon.com/pendaftaran-sekolah>.

Kami berharap agar permohonan kami ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya dan menerima maklum balas yang positif dari pihak tuan.

Terima kasih kerana memberikan perhatian kepada permohonan kami. Sekiranya ada sebarang pertanyaan atau maklumat tambahan yang diperlukan, sila hubungi saya di invitation@terengganumarathon.com atau di talian +6016-4179299.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

"MELAKAR SEJARAH, MENJULANG LANGKAH

MOHD WAHYU AFFANDY BIN ZAINUDDIN
SETIAUSAHA
KELAB OLAHRAGA ALAM SINERGI

SEKTOR PEMBANGUNAN MURID			
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU			
TPP SPM		Untuk Tindakan	/
KPP HEM		Untuk Perhatian	
KPP PBIA	/	Untuk Makluman	
KPP P.KOKU		Untuk Perbincangan	
P.PENGARAH	/	Untuk Semakan	
		Untuk Fail	
Khairul Arman.			
Faid.			
KPT.			
22/12/2025 d.p. 9.			
TARIKH			
Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid			

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU			
UNTUK PERHATIAN PENGARAH			
TPP S4PD		Untuk Tindakan	✓
TPP SPS		Untuk Perhatian	
TPP SPM	✓	Untuk Makluman	
TPP SP		Untuk Perbincangan	
KPPK SPI		Untuk Semakan	
KPPK SPK		Untuk Edaran	
KPPK SSM		Untuk Fail	
KPPK SIP			
KPPK SPU			
KPP SSTP			
KPP SPAT			
KPP SPP			
KPP SI			
KKPN SPsK			
PA			
CATATAN			
21/12		bp	
Tetikh		Pengerusi	

TM TERENGGANU MARATHON
melakar sejarah,
menjulung langkah



tm26

TERENGGANU
Bridge To Bridges
MARATHON

KELULUSAN PENGLIBATAN PELAJAR SEKOLAH REKOD TM25 - PAJSK PERINGKAT KEBANGSAAN



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular and Arts Division
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8884 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan : 2025/11/trg/TM/0081

Ruj. Kami : KPM.600-5/6/2 Jld 2 (16)

Tarikh : 12 Disember 2025

Presiden
Kelab Olahraga Alam Sinergi
Lot PT36982, HS(M) 25510 Wakaf Bharu
Mukim Kuala Nerus
21300 Kuala Terengganu
Terengganu

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN TERENGGANU MARATHON 2026 (TM2026)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh 24 November 2025.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu kami dalam membangunkan aktiviti sukan di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta tiada halangan bagi penganjuran Terengganu Marathon 2026 (TM2026) bertempat di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu pada 2 Mei 2026. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi:

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 SPI Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk;

.../2-



TM TERENGGANU
MARATHON
melakar sejarah,
menjulung langkah

tm26

TERENGGANU
*Bridge
To
Bridges*
MARATHON

TERENGGANU MARATHON | ترغكانو مرتھون

2026

KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU, GONG BADAQ, KUALA NERUS
1 & 2 MEI 2026

**KATEGORI
PELAJAR
SEKOLAH**

SCAN QR
Direct To
Registration



KATEGORI	1 KM	2 KM	5 KM	10 KM	21 KM
UMUR PELAJAR	6-10 TAHUN	10-13 TAHUN	10-18 TAHUN	15 KE ATAS	16 KE ATAS
PERTAMA	RM 200	RM 200	RM 500	RM 2000	RM 5000
KEDUA	RM 100	RM 100	RM 250	RM 1000	RM 2500
KETIGA	RM 50	RM 50	RM 150	RM 500	RM 1300
KEEMPAT	RM 30	RM 30	RM 100	RM 250	RM 700
KELIMA	RM 30	RM 30	RM 50	RM 150	RM 150

* Setiap penyertaan layak untuk e *sijil* penyertaan

* Hadiah berupa Medal Pemenang TM26 bagi pemenang setiap kategori sehingga tempat ke 15

RUN, EXPLORE, CHILL www.terengganumarathon.com